

## **KEPATUHAN PROSES GADAIAN DALAM SISTEM PAJAK GADAI ISLAM DI MALAYSIA**

**Nurul Huda Binti Md Yusuff<sup>1\*</sup>, Azila Binti Abdul Razak<sup>2</sup>, Fidlizan  
Bin Muhammad<sup>3</sup>**

- 1 Pelajar Sarjana Ekonomi (Ekonomi Kewangan), Fakulti Pengurusan dan  
Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris*
- 2 Pensyarah Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti  
Pendidikan Sultan Idris*
- 3 Pensyarah Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti  
Pendidikan Sultan Idris*

---

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kepatuhan prosedur penebusan dan lelongan yang dilaksana oleh institusi pajak gadai Islam di Malaysia. Kaedah kualitatif menggunakan soalan temu bual separa struktur dan berstruktur dilaksana melibatkan pemegang pajak gadai dan pelanggan. Tiga buah institusi ar-Rahnu beserta 10 orang responden terlibat dalam kajian ini. Terdapat 11 aspek kepatuhan dianalisis iaitu penggunaan kad pengenalan dan surat akuan gadaian (G1), timbang dan uji barang gadaian (G2), nilai barang dan upah simpan (G3), kelayakan pinjaman (G4), tempoh gadaian (G5), semakan kad pengenalan dan surat akuan gadaian (G6), pengembalian barang (G7), pelanjutan tempoh (G8), surat akuan gadaian baru (G9), pengedaran notis (G10), dan pemulangan lebihan hasil lelongan (G11). Hasil kajian menunjukkan bahawa kepatuhan proses G1, G2, G6, G7, adalah paling tinggi, manakala G3, G4, dan G5 pula adalah yang paling rendah. Implikasi kajian ini ialah keperluan bagi institusi pajak gadai Islam di Malaysia untuk memberikan latihan kepada pegawai mengurus dan juga menyediakan carta alir serta manual bagi memastikan mereka mematuhi prosedur sebenar seperti yang tertulis dalam manual gadaian institusi masing-masing.

---

**Katakunci:** pajak gadai Islam, ar-Rahnu, kepatuhan, gadaian

---

### **ABSTRACT**

---

\*Corresponding author : Nurul Huda Binti Md Yusuff. Pelajar Sarjana Ekonomi (Ekonomi Kewangan), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. E-mel: nh\_yues@yahoo.com.

*This study aims to identify the compliance of redeeming and auctioning processes that have been carried out by Islamic pawnbroking system in Malaysia. Qualitative method was applied in this study which using semi-structured and fully-structured interviews involving pawnbrokers and customers of Islamic pawnbroking system. Three ar-Rahnu institutions and 10 respondents were involved in this study. There are 11 compliance aspects were analysed which are, the usage of identification card and pawn ticket (G1), weighing and testing collateral (G2), collateral value and safekeeping fee (G3), loan qualification (G4), maturity time (G5), identification card and pawn ticket checking (G6), collateral returning (G7), redemption extension (G8), approval of new pawn ticket (G9), notice circulation (G10), and returning of auctioning yield surplus (G11). Result showed that G1, G2, G6, and G7, processes have higher compliance. Meanwhile, processes G3, G4 and G5 are the lowest compliance. Implication of this study is that it is a need for the Islamic pawnbroking institutions in Malaysia to provide training to their officers to manage and also prepare a proper workflow or manual so that they will comply to the actual procedures that has been laid down in the pawning manual by the institutions respectively.*

---

**Keywords:** *Islamic pawnbroking, ar-Rahnu, compliance, pawning*

---

## **Pendahuluan**

Sistem pajak gadai bertindak sebagai sistem kewangan tidak formal yang dikesan kemunculannya seawal 3000 tahun lalu di China. Institusi kewangan tertua ini turut dikesan dalam sejarah ketamadunan awal Yunani dan Rom (Bhatt dan Sinnakkannu, 2008). Sistem ini mula bertapak di Tanah Melayu pada awal kurun ke 15 melalui pedagang China Hakka yang datang berdagang ke Tanah Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Penggunaan sistem pajak gadai ini terus berkembang sehingga ke zaman pemerintahan Inggeris (Mohamad Shukri, Nur Azura & Mohamed Ishak, 2006).

Oleh kerana sistem pajak gadai ini diperkenalkan oleh kaum Cina, operasinya melibatkan penggunaan riba dan terdapat unsur gharar. Sebagai seorang muslim, kita dilarang dari melibatkan diri dalam urusan seharian yang melibatkan riba. Evolusi kewangan Islam yang bermula pada era 60-an sedikit sebanyak membuka peluang kepada kewujudan sistem pajak gadai Islam, ar-Rahnu, alternatif kepada pajak gadai konvensional (Zunaidah, 2006; Azila, 2011). Bermula seawal tahun 1992, beberapa pihak swasta dan kerajaan mula mengambil langkah memperkenalkan sistem pajak gadai Islam masing-masing. Sehingga penghujung 2013, terdapat sebanyak 570 buah sistem pajak gadai Islam yang beroperasi seiring dengan 378 buah pajak gadai konvensional di seluruh Malaysia.

Sistem pajak gadai konvensional terikat dengan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] manakala ar-Rahnu tidak mempunyai akta khusus untuk mengawal selia operasinya tetapi mengikut akta-akta tertentu berdasarkan institusi yang menawarkan. Bagi institusi yang menawarkan ar-Rahnu yang terikat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), institusi tersebut perlu merujuk Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dengan beberapa pengecualian di dalamnya (Selamah dan Supizan, 2005). Oleh itu boleh dikatakan pengurusan operasi di dalam sistem pajak gadai Islam adalah hampir sama dengan pajak gadai konvensional dan cuma berbeza dari segi kontrak (aqad) kerana sistem pajak gadai Islam memberikan pinjaman berdasarkan konsep syariah yang diterapkan. Justeru

itu, pihak pajak gadai Islam perlu mengambil inisiatif bagi menonjolkan kesitimewaan atau kelebihan yang ada pada sistem pajak gadai Islam ini bagi membezakan perkhidmatannya dengan sistem pajak gadai konvensional. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan mempromosikan dan menjelaskan proses-proses gadaian, penebusan dan lelongan dengan lebih jelas kepada pelanggan-pelanggannya supaya perkhidmatan pajak gadai Islam dilihat lebih telus dalam memberikan perkhidmatan.

Kenaikan kadar inflasi (Tradingeconomics.com, 2014) dan harga emas dunia (Kitco.com, 2014) sejak beberapa tahun kebelakangan ini memberi kesan secara tidak langsung kepada kadar gadaian dan kadar penebusan barang gadaian dalam sistem pajak gadai Islam di Malaysia. Emas mempunyai harga yang stabil dan harganya dikatakan meningkat sebanyak 20 hingga 30 peratus setahun secara purata (Nurazidah et al., 2013). Memandangkan wujudnya kestabilan harga emas dalam aspek pelaburan dan nilai mata wang, maka dicadangkan penggunaan emas sebagai mata wang di masa akan datang bagi mengurangkan risiko pengurangan nilai mata wang dan krisis ekonomi semasa berlakunya inflasi. Kestabilan ekonomi yang menggunakan emas dalam sistem kewangan pada masa dahulu merupakan faktor menghujahi cadangan ini (Salmy Edawati, Sanep & Wan Najihah, 2009).

Kajian Azila et al. (2013) menunjukkan peratus pertumbuhan peminjam skim Ar-rahnu YaPEIM pada tahun 2008 meningkat sebanyak 152.8 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya sebanyak 53.9 peratus. Apabila kadar inflasi mula menurun pada tahun 2009, peratus pertumbuhan jumlah nilai penebusan pula bertambah iaitu sebanyak 118.2 peratus. Ini menunjukkan kebarangkalian masyarakat untuk melakukan gadaian dan tebusan dipengaruhi oleh kadar inflasi semasa. Mereka cenderung untuk melakukan gadaian ketika kadar inflasi tinggi bagi menampung perbelanjaan seharian, dan sebaliknya apabila keadaan ekonomi beransur pulih.

Sehubungan itu, kebarangkalian proses penebusan berlaku adalah sedikit. Apabila perkara ini berlaku, proses lelongan mungkin dijalankan bagi penggadai yang gagal menebus barang gadaian. Kadar caj upah simpan berdasarkan harga semasa barang gadaian juga akan dikenakan bagi proses pelanjutan penebusan. Oleh itu, sejauh mana pihak penggadai mengetahui tentang perubahan caj upah simpan ini, dan bagaimana pihak institusi menguruskan situasi sebegini mengikut manual gadaian mereka.

Tambahan kepada permasalahan di atas lagi adalah isu barang gadaian yang dilelong. Penggadai mungkin akan mempunyai lebih wang hasil lelongan kerana harga emas yang sentiasa meningkat untuk tempoh 9 tahun yang lalu iaitu sejak 2004 hingga 2013. Sekiranya barang gadaian mereka dijual dengan harga lebih tinggi dari harga semasa penggadaian berlaku, kemungkinan untuk mempunyai lebih hasil lelongan juga akan tinggi. Permasalahan di sini adalah adakah penggadai menyedari akan lebih tersebut dan menerima notis dari pihak pajak gadai Islam. Berikutan tiada akta khusus yang diwujudkan bagi mengawal selia sistem pajak gadai Islam ini, kebanyakan institusi ar-Rahnu banyak bergantung kepada manual yang dibina oleh mereka sendiri. Oleh yang demikian, sejauh manakah tahap keberkesanan manual institusi tersebut mampu menjaga hak penggadai mengikut permasalahan yang timbul seperti di atas.

Penelitian terhadap bahan-bahan literatur lepas juga mendorong kepentingan kajian ini. Kebanyakan kajian lepas lebih menumpukan aspek pengenalan sistem ar-Rahnu secara umum, faktor-faktor penerimaan pelanggan, kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan. Terdapat juga beberapa kajian yang menumpukan kepada

modus operandi sistem pajak gadai Islam namun lebih bersifat umum dan persepsi. Oleh itu, keperluan kajian yang khusus berkaitan perihal gadaian, penebusan dan delongan perlu dijalankan dalam sistem pajak gadai Islam bagi mengetahui dengan lebih mendalam perihal perlindungan hak penggadai yang berkaitan dengan proses tersebut.

### **Tinjauan Literatur**

Kebanyakan kajian lepas lebih menumpukan kepada pengenalan sistem pajak gadai Islam dan konvensional (Abdul Ghafar & Nur Zakiah, 1997; Imani & Shah Rizal, 2013), mengenal pasti profil pengguna pajak gadai Islam (Shaari & Azlina, 2003; Selamah et al., 2006), mengenal pasti faktor-faktor penerimaan pelanggan dan pemilihan pajak gadai (Mohamad Shukri et al., 2006; Hanudin et al., 2007; Bhatt & Sinnakkannu, 2008; Muhammad Saiful Islami & Muhammad Hakimi, 2008; Mohd Fazli et al., 2010; Appannan & Doris, 2011; S.A. Bashir et al., 2012), kepuasan pelanggan (Norashikin, 2010; Wan Noraini, 2011; Azizah et al., 2012) dan terdapat juga kajian yang menganalisis modus operandi sistem pajak gadai Islam secara umum dan cadangan bagi penambahbaikan kualiti perkhidmatan sistem ini bagi memastikan selari dengan kehendak syariat. Tinjauan terhadap literatur kajian ini menunjukkan masih belum ada lagi kajian lepas yang membincangkan secara mendalam berkenaan penebusan barang gadaian, dan kajian yang ada adalah lebih kepada persepsi dan umum (Azila, 2011; Azila et al., 2013; Norwatim et al., t.t.).

Nur Azura et al. (2004) menerangkan di dalam kajiannya tentang perbezaan manual ar-Rahnu Bank Rakyat dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dalam membela nasib pengguna sistem pajak gadai di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan Manual ar-Rahnu lebih menitikberatkan hak pengguna berdasarkan ketelusan urusan gadaian yang dijalankan dalam sistem Ar Rahnu. Namun begitu, setiap institusi pajak gadai Islam mempunyai manual tersendiri yang perlu mereka patuhi. Ini menyebabkan persoalan bagi masalah hak pengguna masih lagi perlu diketengahkan sama ada perlu kepada akta khusus untuk mengawal selia semua institusi pajak gadai Islam atau sudah cukup dengan akta sedia ada.

Kajian berikutnya adalah yang dijalankan oleh Selamah dan Supizan (2005). Kajian mereka berkaitan dengan isu yang timbul dan cabaran yang dihadapi oleh Ar Rahnu apabila Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dipinda. Kajian mereka menjelaskan bahawa manual Ar Rahnu mempunyai kelebihan tertentu berbanding Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Pindaan 2003), namun sekiranya perkara ini tidak disebarkan kepada pengetahuan umum, maka operasi Ar Rahnu akan sukar difahami oleh pengguna yang baru ingin mengenali sistem ini. Promosi berterusan perlu dilakukan oleh pihak Ar Rahnu kepada orang ramai agar mereka dapat memahami dengan jelas dan tepat dan menggalakkan orang ramai untuk lebih peka terhadap hak mereka sebagai pengguna. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh Ar Rahnu kesan daripada pindaan Akta tersebut adalah dari segi pertambahan bilangan pajak gadai dan peningkatan keupayaan memberi pinjaman.

Mohamed Nazim, Kalaithasan dan Norita (2005) pula membincangkan tentang sistem operasi, prinsip yang digunakan serta amalan sistem pajak gadai Islam. Sampel yang digunakan adalah melibatkan MGIT, Bank Rakyat, PKB, Bank Islam dan Kedai Ar Rahn Perlis. Dapatan kajian mereka menjelaskan dengan teliti modus operandi setiap sistem dan berharap orang ramai dapat memahami bagaimana amalan sistem pajak gadai Islam ini dan tahap kesedaran orang ramai dapat ditingkatkan.


Skully (2005) menjalankan kajian tentang perkembangan sistem pajak gadai dalam Asia terutamanya sistem pajak gadai Islam. Dapatan kajiannya menjelaskan tentang modus operandi sistem pajak gadai Islam yang ada di Malaysia. Antara sistem pajak gadai tersebut adalah MGIT, PKB, Bank Rakyat, Bank Islam, EON Bank, Agro Bank, dan Koperasi Pahang. Dapatan kajiannya turut menjelaskan tentang sistem pajak gadai Islam yang ada di luar Malaysia, sebagai contoh di Brunei. Sistem pajak gadai Islam muncul di Brunei sama seperti seawal kemunculannya di Malaysia dan pengoperasiannya hampir sama tapi mempunyai beberapa ciri tambahan. Skully turut membincangkan tentang beberapa negara lain seperti Indonesia, Senegal dan Somalia yang turut mengaplikasikan sistem gadaian Islam ini di negara mereka.

Kajian berikutnya adalah kajian yang dijalankan oleh Mohamed Fairouz, Mohd Bahroddin dan Lokmanulhakim (2012) adalah bertujuan untuk mengkaji isu syariah yang berkenaan dengan struktur semasa bagi kemudahan mikrokredit Islam di Malaysia, untuk menganalisis struktur-struktur kemudahan mikrokredit Islam dengan penekanan terhadap isu-isu syariah yang berkaitan dengannya serta untuk mencadangkan struktur baru bagi kemudahan mikrokredit Islam sebagai alternatif kepada struktur sedia ada. Sampel bagi kajian ini adalah dua buah bank Islam yang menawarkan skim Ar Rahn ini. Isu yang cuba diketengahkan di dalam kajian ini adalah isu penggunaan caj upah simpan, isu penggabungan kontrak rahn dan kontrak wadiah pada subjek yang sama, dan isu jaminan dalam kontrak wadiah. Cadangan struktur baru oleh kajian ini adalah penggunaan konsep *wadiah bi ajr*, *qard hasan* dan *rahn al-wadiah* bagi menggantikan konsep lama iaitu *qard hasan*, *wadiah yad dhamanah* dan *al-ujrah*.

Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Azizah, Norashidah dan Syahrina (2013) adalah membincangkan tentang perkembangan sistem pajak gadai Islam MAIDAM Negeri Terengganu dari segi operasi dan prestasinya. Dapatan kajian mereka melibatkan prestasi Ar Rahn MAIDAM bermula dari tahun 2007 hingga 2011. Tren bagi bilangan penggadai, transaksi gadaian serta pembiayaan Ar Rahn MAIDAM ini dilihat sentiasa menaik sepanjang tahun bermula 2007 hingga 2011. Keuntungan yang diperoleh melalui upah simpan juga dilihat turut bertambah daripada RM0.8 juta pada tahun 2007 kepada RM4.4 juta pada tahun 2011.

Seperti mana yang dijelaskan, masih terdapat kekurangan sumber literatur bagi kajian yang menumpukan kepada skop gadaian sehingga lelongan barang gadaian secara mendalam dalam sistem pajak gadai Islam baik dalam bentuk kuantitatif mahupun kualitatif. Oleh itu, bagi mengatasi masalah jurang kajian ini, pengkaji berharap lebih banyak kajian akan datang akan menumpukan kepada isu berkaitan proses gadaian sehingga lelongan barang gadaian bagi mengupas sebanyak mungkin isu-isu yang timbul sepanjang sistem ini diperkenalkan kepada masyarakat Malaysia terutamanya masyarakat Islam.

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibina berdasarkan konsep gadaian Islam, konsep hak pengguna dan akta dan undang-undang.



**Sumber:** Wahbah Al-Zuhaili (1999), Md. Akhir Yaacob (2002), Mohamed Fairouz Abdul Khir et al. (2012), dan Asmadi Mohamed Naim (2004).

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Pelaksanaan sistem pajak gadai Islam adalah berlandaskan syariah Islam yang mana dirangka berdasarkan konsep fiqh dan konsep muamalah. Oleh itu, pengoperasian sistem ini juga mestilah berdasarkan kerangka yang dibina dari konsep yang sama. Selain itu, pengaplikasian dari akta atau undang-undang sedia ada juga dilakukan selagi mana tidak menyalahi syariah. Pengaplikasian konsep hak pengguna di dalam kerangka kajian ini adalah sebagai konsep asas tambahan kepada modus operandi sistem pajak gadai Islam bagi memastikan kepentingan menjaga hak penggadai. Manual gadaian yang telah dirangka ini dilaksanakan oleh institusi melalui pegawai yang bertugas kepada penggadai. Kepatuhan pegawai menjalankan tugas mengikut manual gadaian berikut merupakan perkara yang menjadi persoalan dan ingin dikaji. Kepatuhan dapat dicapai sekiranya perkongsian maklumat antara pegawai dengan penggadai adalah sama berdasarkan manual gadaian institusi.

### Metodologi

Sebanyak 3 buah institusi ar-Rahnu dan 10 orang responden penggadai yang terlibat dalam kajian ini. Sampel bagi responden ini dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Tiga buah institusi tersebut adalah ar-Rahnu MAIDAM Kuala Terengganu, ar-Rahnu Bank Rakyat Kota Bharu dan ar-Rahnu YaPEIM Kota Bharu. Walau bagaimanapun, hanya pemegang pajak gadai dari ar-Rahnu MAIDAM sahaja yang berjaya ditemubual manakala dua institusi lagi menolak untuk ditemubual. Oleh yang demikian, maklumat berkaitan proses gadaian sehingga lelongan bagi dua institusi tersebut disokong menggunakan kajian lepas dan sumber rujukan sekunder yang lain. Pengkaji memilih tiga institusi ini adalah kerana;

- (i) Bank Rakyat merupakan sebuah bank koperasi pertama yang mempunyai cawangan Ar Rahnu terbesar di seluruh negara dan diterima ramai,
- (ii) YaPEIM merupakan yayasan koperasi pertama di Malaysia yang menjadi pelopor pengenalan skim Ar Rahnu di Malaysia dengan melakukan kerjasama dengan Bank Rakyat serta beberapa buah bank lain dan cawangannya sendiri juga semakin bercambah di seluruh negara, dan
- (iii) MAIDAM merupakan badan kebajikan pertama milik kerajaan negeri yang memperkenalkan muassasah gadaian tanpa mengenakan sebarang caj upah simpan.

Cawangan Bank Rakyat dan YaPEIM Kota Bharu dipilih adalah kerana Kota Bharu merupakan pusat negeri Kelantan yang menjadi tumpuan kebanyakan rakyatnya terutama yang berniaga dan juga kerana populasi sistem pajak gadai Islam yang banyak bertumpu di bandar tersebut. Cawangan MAIDAM Kuala Terengganu dipilih pula adalah kerana menurut Penolong Pengurus Cawangan itu, Izzat Zumairi Abdul Rahman, kadar transaksi gadaian adalah paling tinggi di cawangan tersebut berbanding cawangannya yang lain.

Kajian ini menggunakan kaedah temubual berstruktur bagi temubual pemegang pajak gadai dan separa struktur bagi temubual penggadai. Temubual telah dijalankan bersama pegawai yang bertugas bagi mengetahui bagaimana proses gadaian dan penebusan barang gadaian serta proses lelongan berjalan. Temubual dengan penggadai dilakukan bagi mengenal pasti kepatuhan pegawai menjalankan tugas seperti yang ditetapkan dalam manual operasi setiap operasi berdasarkan pengalaman penggadai. Selain temubual, kaedah pemerhatian dan penilitian dokumen juga dilakukan bagi mengumpul data.

Kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah melibatkan pengekodan tema proses gadaian sehingga lelongan dan juga kepatuhan pegawai terhadap proses gadaian mengikut manual gadaian institusi. Pengekodan tema proses-proses ini dikenal pasti berdasarkan rujukan kajian lepas dan juga disahkan oleh pegawai yang ditemubual. Pengekodan tema kepatuhan pegawai dikenalpasti berdasarkan amalan yang perlu dilakukan oleh pegawai bagi memastikan mereka mematuhi manual gadaian institusi. Bagi mengenal pasti tahap kepatuhan pegawai, maklumat yang diperolehi dari temubual pegawai dan rujukan literatur dibandingkan dengan maklumat yang diperolehi daripada penggadai bagi melihat sama ada terdapat keselarian bagi proses yang dijelaskan oleh pegawai dengan proses yang dijelaskan penggadai.

## **Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

### **Profil responden dan tujuan penggadaian**

Profil responden temubual dan tujuan penggadaian telah ditunjukkan seperti di dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Berdasarkan Jadual 1, pegawai A adalah pegawai yang mewakili ar-Rahnu MAIDAM manakala P1 hingga P10 adalah penggadai bagi ar-Rahnu Bank Rakyat, YaPEIM dan MAIDAM. Kesemua penggadai terdiri daripada 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan yang mana berumur dalam lingkungan 30an hingga. Terdapat 3 orang penggadai yang masih baru dalam melakukan gadaian iaitu dalam lingkungan 3 tahun ke bawah, manakala 3 orang yang sudah lama menggunakan sistem ini iaitu dalam lingkungan 7 tahun ke atas.

Jadual 1: Maklumat Responden yang ditemubual

Bil	Responden	Jantina	Jawatan/Institusi	Umur	Pengalaman Menggadai
1	Pegawai A	Lelaki	Penolong Pengurus Ar-Rahnu MAIDAM (4 tahun pengalaman)	-	-
2	Penggadai 1 (P1)	Perempuan	Bank Rakyat	45	2
3	Penggadai 2 (P2)	Lelaki	Bank Rakyat	36	2
4	Penggadai 3 (P3)	Lelaki	Bank Rakyat	38	2
5	Penggadai 4 (P4)	Perempuan	Bank Rakyat	32	1
6	Penggadai 5 (P5)	Perempuan	YaPEIM	56	3
7	Penggadai 6 (P6)	Lelaki	YaPEIM	53	2
8	Penggadai 7 (P7)	Lelaki	YaPEIM	57	3
9	Penggadai 8 (P8)	Perempuan	MAIDAM	31	1
10	Penggadai 9 (P9)	Lelaki	MAIDAM	55	3
11	Penggadai 10(P10)	Perempuan	MAIDAM	34	1

**Nota:** Pengalaman Menggadai: [ 1= 1 hingga 3 tahun, 2= 4 hingga 6 tahun, 3= 7 tahun dan ke atas ]

Jadual 2 menunjukkan terdapat lima penggadai yang melakukan gadaian bagi tujuan penggunaan manakala lima penggadai lagi bagi tujuan produktif.

Jadual 2: Tujuan Menggadai

Bil	Responden	Tujuan Gadaian Dilakukan	Kategori
1	P1	Perbelanjaan pendidikan	Produktif
2	P2	Perbelanjaan seharian	Penggunaan
3	P3	Perbelanjaan seharian	Penggunaan
4	P4	Modal perniagaan	Produktif
5	P5	Perbelanjaan pendidikan	Produktif
6	P6	Perbelanjaan seharian	Penggunaan
7	P7	Modal perniagaan	Produktif
8	P8	Perbelanjaan seharian	Penggunaan
9	P9	Modal perniagaan	Produktif
10	P10	Perbelanjaan seharian	Penggunaan

### Kepatuhan proses gadaian Islam

Pengetahuan penggadai perlu dikenal pasti bagi memastikan mereka mengetahui proses-proses yang perlu mereka lalui semasa melakukan transaksi di premis pajak gadai. Dapatan kajian menunjukkan kesemua 10 orang penggadai sudah tahu akan proses-proses yang perlu mereka lalui sepanjang melakukan urusan di premis pajak gadai disebabkan faktor pengalaman dan juga penerangan yang diberikan oleh pegawai yang bertugas di kaunter. Penerangan jelas dan terperinci perlu diberikan kepada penggadai bagi memastikan ketelusan dalam perkongsian maklumat dengan pengguna.

Penyediaan sumber maklumat seperti brosur dan pamflet di setiap premis penting bagi memastikan maklumat proses-proses berkaitan gadaian dapat diketahui oleh penggadai. Dapatan menunjukkan brosur yang disediakan oleh MAIDAM lebih terperinci berbanding dua institusi lagi. Kebanyakan maklumat produk ar-Rahnu ini lebih senang diperolehi melalui capaian internet. Namun, golongan majoriti yang menggunakan sistem ini adalah dari golongan berpendapatan rendah yang sukar terdedah dengan penyebaran maklumat melalui kaedah ini. Oleh itu, kaedah penyebaran maklumat yang lebih mudah diterima penggadai perlu dilakukan oleh pihak ar-Rahnu bagi membantu penggadai menilai kelebihan yang ada pada sistem pajak gadai Islam berbanding sistem konvensional.

### Pelaksanaan gadaian dalam sistem pajak gadai Islam



Jadual 3 menunjukkan prosedur gadaian yang berjalan di ar-Rahnu MAIDAM. Amalan gadaian ini telah disahkan oleh Pegawai A.

Jadual 3: Prosedur Gadaian berjalan di Ar-Rahnu MAIDAM

<b>Langkah</b>	<b>Ar-Rahnu MAIDAM</b>
1	Penggadai mengisi borang yang disediakan di premis ar-Rahnu sebelum mengambil nombor giliran.
2	Penggadai perlu menyerahkan kad pengenalan dan barang kemas beserta borang yang telah siap diisi kepada pegawai bertugas.
3	Pegawai akan menimbang barang kemas dan melakukan ujian ketulenan dan ujian-ujian lain (jika perlu) di hadapan penggadai.
4	Pegawai memaklumkan kelayakan maksimum pinjaman dan penggadai akan menentukan jumlah yang ingin dipinjam.
5	Penggadai akan diberikan surat akuan gadaian yang mengandungi butiran lengkap transaksi gadaian setelah transaksi selesai. Barang gadaian akan dilabelkan dan disimpan berasingan di dalam sebuah bilik khas serta diinsuranskan.

Amalan transaksi ini turut dibuktikan oleh penggadai dan juga berdasarkan pemerhatian pengkaji. Kesemua penggadai ar-Rahnu MAIDAM menyatakan bahawa pegawai meminta mereka mengemukakan kad pengenalan bagi tujuan penyimpanan rekod penggadai dan juga menggunakan surat akuan gadaian (SAG) sebagai bukti gadaian dilakukan. Penggadai ar-Rahnu Bank Rakyat juga turut menyatakan bukti yang sama.

### **Pemakluman butiran transaksi gadaian**

Dapatan kajian menunjukkan pegawai akan memaklumkan kepada penggadai berkaitan butiran transaksi sama ada melalui catatan di dalam SAG atau melalui lisan. Dua daripada penggadai ar-Rahnu MAIDAM mengakui bahawa mereka mengetahui tentang maklumat tersebut melalui pegawai manakala seorang lagi berdasarkan rujukan kepada SAG. Penggadai dari ar-Rahnu YaPEIM juga turut menyatakan hal yang sama. Ini menunjukkan penerapan amalan penyampaian maklumat butiran secara lisan masih belum dilaksanakan sepenuhnya oleh pegawai.

### **Pelaksanaan penebusan dalam sistem pajak gadai Islam**

Jadual 4 menunjukkan pelaksanaan prosedur penebusan di ar-Rahnu MAIDAM. Amalan ini turut disahkan oleh Pegawai A.

Jadual 4: Prosedur Penebusan yang berjalan di Ar-Rahnu MAIDAM

<b>Langkah</b>	<b>Ar-Rahnu MAIDAM</b>
1	Penggadai mengunjungi cawangan pajak gadai di mana gadaian dilakukan. Wakil yang datang menebus perlu menyertakan bersama surat penebusan wakil yang ditandatangani oleh penggadai.
2	Penggadai perlu membawa bersama kad pengenalan dan surat akuan gadaian yang diterima semasa gadaian.
3	Pegawai menyemak identiti penggadai menggunakan kad pengenalan dan surat akuan gadaian berdasarkan rekod penggadai yang telah disimpan dalam sistem.
4	Penggadai membayar semula pinjaman beserta upah simpan yang dikenakan. Resit bayaran pinjaman akan diberikan kepada penggadai.
5	Pegawai akan menyerahkan semula barang gadaian kepada penggadai setelah semua urusan selesai.

Bukti amalan ini turut diperakui oleh penggadai MAIDAM dan juga penggadai Bank Rakyat. Semakan kad pengenalan dan SAG penting bagi memastikan barang gadaian ditebus oleh pemilik asal barang tersebut dan justeru, hak penggadai dapat dilindungi.

## Kaedah pelunasan barang gadaian dan surat akuan gadaian

Pihak ar-Rahnu MAIDAM hanya menerima bayaran secara tunai berbeza dengan dua institusi lagi yang menerima kaedah pembayaran secara tunai dan cek. Pembayaran pinjaman boleh dilakukan secara sekaligus dan beransur-ansur. Keperluan bayaran dilakukan juga tidak terhad. Barang gadaian disimpan dengan baik di ar-Rahnu dengan menggunakan sistem insurans takaful. Ini merupakan tanggungjawab pemegang pajak gadai kepada penggadai bagi memastikan tiada penindasan dan kerugian yang berlaku sepanjang barang gadaian berada dalam jagaan pemegang pajak gadai. Jadual 5 menunjukkan kaedah pelunasan barang gadaian.

Jadual 5: Kaedah Pelunasan Barang Gadaian

Kaedah	Ar-Rahnu MAIDAM
1	Membayar semula pinjaman secara tunai di kaunter Ar-Rahnu MAIDAM. Kaedah pembayaran adalah secara tunai sahaja.
2	Penebusan barang gadaian boleh dilakukan secara ansuran atau sekaligus. Keperluan bayaran adalah tidak terhad.
3	Penebusan barang gadaian boleh dilakukan bila-bila masa sebelum atau pada tarikh matang.
4	Barang gadaian akan dikembalikan semula kepada penggadai dalam keadaan baik.

Respon penggadai membuktikan bahawa pihak ar-Rahnu menjaga barang gadaian mereka dengan baik sepanjang dalam jagaan pihak mereka. Barang gadaian juga berada dalam keadaan baik semasa mereka menebus barang gadaian tersebut.

Merujuk kepada isu kehilangan SAG, berikut merupakan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh penggadai ar-Rahnu MAIDAM.

Jadual 6: Proses Permohonan Surat Akuan Gadaian Baru

Langkah	Ar-Rahnu MAIDAM
1	Penggadai melaporkan dengan segera kepada pihak Ar-Rahnu MAIDAM tentang kehilangan atau kerosakan surat akuan gadaian.
2	Pemegang pajak gadai akan memberikan borang kehilangan surat akuan gadaian kepada penggadai.
3	Penggadai perlu mengunjungi mana-mana cawangan Pesuruhjaya Sumpah atau Majistret dengan membawa borang tersebut bagi melakukan perakuan bersumpah dan mematikan stem.
4	Borang yang telah siap dimatikan stem perlu diserahkan semula kepada pemegang pajak gadai dan satu salinan surat yang baru akan diberikan kepada penggadai.

Berdasarkan kepada respon penggadai, dua orang penggadai ar-Rahnu MAIDAM bersetuju bahawa pihak MAIDAM membenarkan mereka membuat permohonan SAG yang baru manakala seorang penggadai lagi tidak tahu kerana tidak didedahkan dengan maklumat tentang permohonan SAG tersebut. Perkara yang sama turut dialami oleh penggadai ar-Rahnu Bank Rakyat. Proses ini perlu diterangkan kepada penggadai terutama penggadai baru bagi memastikan mereka benar-benar mengetahui tentang proses ini supaya tiada isu ketelusan dalam penyampaian maklumat timbul.

## Notis penebusan dan pelanjutan tempoh

Pengedaran notis peringatan penting bagi memaklumkan penggadai tentang tempoh gadaian hampir tamat dan begitu juga tentang lelongan. Pengedaran notis yang dijalankan oleh pihak ar-Rahnu MAIDAM adalah seperti dalam Jadual 7 berikut:

Jadual 7: Pengedaran Notis Penebusan

<b>Notis</b>	<b>Ar-Rahnu MAIDAM</b>
1	Dua minggu sebelum tamat tempoh matang 6 bulan.
2	Selepas tempoh 6 bulan matang.
3	Sebelum tamat dua bulan tempoh lanjutan pertama.
4	Sebelum tamat dua bulan tempoh lanjutan kedua
5	Notis lelongan.

Pengedaran notis berikut telah dibuktikan oleh dua orang pengadai ar-Rahnu MAIDAM. Seorang lagi pengadai menyatakan bahawa beliau tidak tahu tentang pengedaran notis yang dilakukan. Manakala bagi pengadai ar-Rahnu YaPEIM, ketiga-tiga pengadai bersetuju bahawa pihak ar-Rahnu YaPEIM ada mengedarkan notis peringatan kepada pengadai. Bagi pengadai yang ingin melanjutkan tempoh penebusan, pihak ar-Rahnu MAIDAM membenarkan pelanjutan tempoh penebusan dengan syarat pengadai perlu menjelaskan terlebih dahulu upah simpan yang tertunggak. Jadual 8 menunjukkan tempoh pelanjutan penebusan dan bilangan tempoh yang diberikan oleh ar-Rahnu MAIDAM.

Jadual 8: Pelanjutan Tempoh Penebusan

<b>Perkara</b>	<b>Ar-Rahnu MAIDAM</b>
Tempoh Pelanjutan	Dua bulan
Bilangan Lanjutan	Dua kali

Amalan ini disahkan oleh Pegawai A. Respon pengadai menunjukkan dua orang pengadai bersetuju bahawa pihak ar-Rahnu MAIDAM membenarkan pelanjutan tempoh penebusan. Pengadai ar-Rahnu Bank Rakyat turut menyatakan perkara yang sama. Hanya seorang sahaja pengadai yang tidak pasti tentang pelanjutan tempoh tersebut berikutan kekurangan pendedahan maklumat tentang proses tersebut.

### **Prosedur lelongan**

Amalan prosedur lelongan di ar-Rahnu MAIDAM adalah seperti dalam Jadual 9 berikut:

Jadual 9: Prosedur Lelongan di ar-Rahnu MAIDAM

<b>Langkah</b>	<b>Ar-Rahnu MAIDAM</b>
1	Pengadai dimaklumkan melalui notis dan panggilan telefon tarikh lelongan yang bakal dijalankan.
2	Proses lelongan dijalankan di premis Ar-Rahnu MAIDAM setelah tiada tindakan dari pengadai.
3	Pengadai dimaklumkan tentang sebarang lebihan hasil lelongan atau sekiranya masih terdapat kekurangan.
4	Wang lebihan yang tidak dituntut akan dihantar ke Baitulmal MAIDAM selepas tempoh tiga bulan yang diberikan tamat.

Berdasarkan prosedur tersebut, pihak ar-Rahnu MAIDAM menjalankan prosedur yang menjaga kepentingan pengadai. Memandangkan tidak kesemua pengadai pernah terlibat dengan proses lelongan, hanya respon pengadai yang pernah terlibat dengan lelongan yang dibincangkan bagi membuktikan prosedur lelongan ini. Pengadai tersebut membuktikan bahawa pihak ar-Rahnu MAIDAM telah menghubungi pengadai terlebih dahulu sebelum lelongan dijalankan dan memulangkan semula lebihan hasil lelongan kepada pengadai. Pengadai ar-Rahnu Bank Rakyat yang pernah terlibat dengan lelongan juga turut menyatakan hal yang sama.

### **Prosedur lengkap gadaian sehingga lelongan dalam sistem pajak gadaai**

## Islam

Rajah 2 menunjukkan prosedur lengkap proses gadaian, penebusan dan lelongan yang berjalan dalam sistem pajak gadai Islam [Lampiran]. Memandangkan maklumat proses gadaian ini hanya terhad kepada ar-Rahnu MAIDAM, maka prosedur lengkap ini lebih menumpukan kepada proses-proses mengikut manual gadaian ar-Rahnu MAIDAM dan gambaran umum bagi kedua-dua institusi lagi. Berdasarkan analisis temubual penggadai bagi ketiga-tiga institusi tersebut, proses-proses yang dilalui oleh mereka adalah hampir sama dan dapat disimpulkan bahawa modus operandi pajak gadai Islam ini adalah hampir sama mengikut manual gadaian yang dikeluarkan masing-masing.


## Keselarian maklumat pemegang pajak gadai dan penggadai

Analisis untuk mengenal pasti kepatuhan kepada proses gadaian sehingga lelongan dalam sistem pajak gadai Islam ini adalah berdasarkan perbandingan maklumat antara pemegang pajak gadai Islam dengan penggadai institusi tersebut. Jadual 10 menunjukkan kod bagi setiap tema proses untuk menentukan kepatuhan pegawai yang bertugas.

Jadual 10: Kod bagi Tema Kepatuhan

Kod	Aspek	Penentu Kepatuhan
G1	Kad Pengenalan dan Surat Akuan Gadaian	Pegawai merekod butiran transaksi gadaian menggunakan kad pengenalan dan surat akuan gadaian.
G2	Timbang dan Uji Barang Gadaian	Pegawai membuat penilaian barang gadaian di hadapan penggadai.
G3	Nilai Barang dan Upah Simpan	Pegawai memberitahu nilai dan upah simpan barang gadaian kepada penggadai.
G4	Kelayakan Pinjaman	Pegawai memberitahu kelayakan pinjaman kepada penggadai.
G5	Tempoh Gadaian	Pegawai memberitahu tempoh gadaian kepada penggadai.
G6	Semakan Kad Pengenalan dan Surat Akuan Gadaian	Pegawai menyemak kad pengenalan dan surat akuan gadaian sebelum memberikan barang gadaian.
G7	Pengembalian Barang	Barang disimpan dan diberikan semula dalam keadaan baik kepada pelanggan.
G8	Pelanjutan Tempoh	Pegawai membenarkan tempoh penebusan dilanjutkan.
G9	Surat Akuan Gadaian Baru	Pegawai membenarkan permohonan surat akuan gadaian baru kepada penggadai.
G10	Pengedaran Notis	Pegawai mengedarkan notis penebusan dan lelongan untuk makluman penggadai.
G11	Pemulangan Lebihan Hasil Lelongan	Pegawai memulangkan lebihan hasil lelongan kepada penggadai.

Analisis keselarian maklumat antara maklumat temubual pegawai dan penggadai dilakukan bagi mengenal pasti sejauh mana kepatuhan pegawai kepada manual gadaian semasa menjalankan tugas. Jadual 11 menunjukkan analisis kepatuhan proses gadaian berdasarkan keselarian maklumat.



Nota: \* Bagi kes di Ar-Rahnu MAIDAM

Rajah 2: Prosedur Gadaian dan Penebusan dalam Sistem Pajak Gadai Islam di Malaysia.

Jadual 11: Analisis Kepatuhan Proses Gadaian berdasarkan Keselarian Maklumat

Proses	Pegawai A	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	P10
G1	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
G2	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
G3	✓	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
G4	✓	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
G5	✓	X	X	X	X	✓	✓	X	X	X	X
G6	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
G7	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
G8	✓	✓	✓	0	✓	✓	✓	✓	✓	✓	0
G9	✓	0	0	✓	0	0	✓	0	✓	✓	0
G10	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	0
G11	✓	0	0	0	0	✓	0	0	0	✓	0

**Nota:** P1 hingga P10 adalah Responden Temubual Penggadaai.

**Simbol:** (✓) = Ada, (X) = Tiada, (0) = Tidak Tahu/Pasti. Sekiranya (✓), menunjukkan maklumat bagi aspek kepatuhan tersebut ada dan disebut oleh pemegang pajak gadai dan penggadaai, jadi kesimpulannya adalah patuh.

Hasil analisis menunjukkan proses G1, G2, G6 dan G7 mempunyai tahap kepatuhan yang paling tinggi. Manakala proses G3, G4 dan G5 merupakan antara proses yang mempunyai tahap kepatuhan yang paling rendah. Bagi proses G8 hingga G11, kebanyakan penggadai tidak tahu dan tidak pasti tentang kebanyakan maklumat proses berikut disebabkan kurang pendedahan oleh pihak ar-Rahnu dan justeru menyebabkan penggadai tidak tahu tentang kepentingan mengetahui maklumat-maklumat berikut. Inisiatif dari pihak penggadai untuk mencari maklumat tersebut perlu dimulakan dari pihak ar-Rahnu dahulu dengan mengingatkan mereka tentang hak-hak mereka sebagai pengguna di pajak gadai Islam. Melalui usaha sebegini, penggadai dapat menilai ketelusan pihak ar-Rahnu dalam memberikan maklumat dan juga dalam menjaga hak-hak penggadai berbanding perkhidmatan yang diberikan dalam sistem pajak gadai konvensional.

### **Kesimpulan Dan Cadangan**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kepatuhan institusi terhadap amalan pajak gadai Islam khususnya melibatkan aspek gadaian, penebusan dan lelongan. Pengukuran kepatuhan adalah berpandukan manual institusi yang perlu dilaksanakan semasa proses transaksi. Sehubungan itu, 3 buah institusi terlibat dalam kajian ini beserta dengan 10 orang responden penggadai. Isu berkaitan kepatuhan pegawai ini signifikan kerana aspek kepatuhan menunjukkan institusi pajak gadai Islam menjalankan operasi perkhidmatan selari dengan prinsip dan konsep syariah. Berdasarkan dapatan kajian, masih terdapat masalah pendedahan maklumat kepada penggadai berkaitan proses-proses tertentu yang menyebabkan isu kepatuhan kepada manual gadaian itu timbul.

Oleh itu, bagi memastikan isu kepatuhan ini dapat diperbaiki dan dimantapkan lagi, beberapa cadangan diutarakan kepada pihak pajak gadai Islam. Pertama sekali, pihak pajak gadai perlu menyediakan maklumat lengkap tentang proses-proses gadaian, penebusan dan lelongan yang berjalan dalam sistem pajak gadai Islam bagi penggadai memahami dengan jelas langkah-langkah yang perlu mereka ambil mengikut maklumat berikut. Promosi secara berkala merupakan salah satu kaedah terbaik dalam menyebarkan maklumat sedemikian. Perkongsian maklumat perlulah melalui kaedah yang mudah diperolehi oleh penggadai. Kedua, pegawai yang bertugas perlu menjelaskan dengan teliti maklumat-maklumat penting seperti nilai barang, jenis emas, upah simpan dan kelayakan pinjaman bagi memastikan penggadai memahami dan maklum tentang maklumat tersebut. Selain itu, proses permohonan SAG yang baru perlu diceritakan bagi menunjukkan keperihatinan pihak ar-Rahnu dalam memastikan perkhidmatan telus dan mematuhi manual gadaian institusi. Cadangan terakhir adalah pihak yang berkenaan perlulah memperkenalkan akta khusus bagi mengawal selia operasi ar-Rahnu ini supaya semua institusi yang menawarkan sistem pajak gadai Islam ini dapat mengendalikan modus operandi mereka berdasarkan akta tersebut.

Cadangan yang dapat diutarakan kepada kajian akan datang pula adalah menjalankan kajian yang melibatkan institusi pajak gadai Islam baru dan lama bagi melihat sejauh mana isu kepatuhan ini diberi perhatian dalam institusi-institusi tersebut. Seterusnya, kajian yang boleh dijalankan adalah kajian kuantitatif tentang perbandingan prestasi antara sistem pajak gadai Islam yang ditawarkan oleh institusi bank dan institusi bukan bank bagi melihat perbezaan prestasi bagi kedua-dua jenis institusi ini. Kajian sebegini dapat membantu menambahkan sumber literatur dari aspek prestasi sistem pajak gadai Islam yang berlatar belakangkan institusi yang berbeza. Selain itu juga, kajian sebegini

dapat membantu memperkenalkan sistem pajak gadai Islam yang kompeten dan berdaya saing dalam lingkaran penawaran sistem pembiayaan kewangan tidak formal ini.

## Rujukan

- Abdul Ghafar, I. & Nor Zakiah, A. (1997). *Pawnshop as an instrument of microenterprise credit in Malaysia*. *International Journal of Social Economics*, 24(11), 1343-1352. Diperoleh daripada <http://dx.doi.org/10.1108/030682997101936233>
- Appanan, S., & Dorris, G. (2011). A Study on Islamic Pawnbroking Awareness and Factors Influencing the Scheme in Sungai Petani Kedah. *Persidangan Seminar Antarabangsa dalam Kajian Perniagaan dan Ekonomi 2011*. AIMST University.
- Asmadi, M. N. (2004). Sistem Gadaian Islam. *Islamiyyat* 26(2) 2004, 39-57. Diperoleh daripada [http://www.ukm.my/penerbit/jurnal\\_pdf/jis26-03.pdf](http://www.ukm.my/penerbit/jurnal_pdf/jis26-03.pdf)
- Azila, A. R, Fidlizan, M., Mohd Yahya, M. H., Suraini, M. R. & Emilda, H. (2013). Peranan Institusi Pajak Gadai Islam dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"*, Jilid 3 (2013) 1352-1363, Johor Bharu, Malaysia.
- Azila, A. R. (2011). *Economic and Religious Significance of the Islamic and Conventional Pawnbroking in Malaysia: Behavioral and Perception Analysis*. Tesis PhD. Durham University. Diperoleh Mei 10, 2012 daripada <http://etheses.dur.ac.uk/1377/>
- Azizah, O., Norashidah, H. & Syahrina, A. (2013). Perkembangan Ar-Rahnu di Terengganu: Kajian Kes Terhadap Ar-Rahnu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *Prosiding PERKEM VIII, Jilid 2 (2013) 951-959, Johor Bharu, Malaysia*.
- Bhatt, P. & Sinnakkannu, J. (2008). *Ar-Rahnu (Islamic Pawning Broking) Opportunities and Challenges in Malaysia*. *Prosiding Seminar Kewangan Islam Antarabangsa ke Enam (6th) 2008 di Kuala Lumpur*.
- Collard, S. & Hayes, D. (2010). Pawnbroking Customers in 2010: A Survey. *Personel Finance Research Center, University of Bristol*. Diperoleh Februari 24, 2012 daripada <http://www.bristol.ac.uk/geography/research/pfrc/themes/credit-debt/pfrc1005.pdf>
- Hanudin, A., Rosita, C., Hazmi, D., & Rostinah, S. (2007). An Ar-rahnu Shop Acceptance Model. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society, vol. 1, 88-101*. Diperoleh November 8, 2013 daripada [http://www.kal.ums.edu.my/ljms/2007/LJMS\\_vol1\\_2007\\_82-94%5B8%5D.pdf](http://www.kal.ums.edu.my/ljms/2007/LJMS_vol1_2007_82-94%5B8%5D.pdf)
- Imani, M. & Shah Rizal, Z. (2013). Ar-Rahnu: A Short Term Financing Alternative. *Prosiding 5th Islamic Economics System Conference pada 4 – 5 September 2013 di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur*.
- Kitco.Com (2014). *London Fix Historical Gold*. Diperoleh Mac 11, 2014 daripada [http://www.kitco.com/scripts/hist\\_charts/yearly\\_graphs.plx](http://www.kitco.com/scripts/hist_charts/yearly_graphs.plx)
- Md. Akhir, Y. (2002). *Undang-undang Sivil Islam (Al-Ahkam Al-Adilyah)*. Selangor: Yayasan Anda Sdn. Bhd.
- Mohamad Shukri, J., Nur Azura, S., & Mohamed Ishak, B. R. (2006). The Demand of Pawnbroking Services: Evidence from Malaysia. Faculty of Management and Economics, UITM, Terengganu. Diperoleh Mac 11, 2014 daripada <http://www.docstoc.com/docs/20918692/THE-DETERMINANTS-OF->



CONSUMER-CHOICES-OF-PAWNSHOP-SERVICES-IN-MALAYSIA

- Mohamed Fairouz, A.K., Mohd Bahroddin, B., & Lokmanulhakim, H. (2012). Critical Appraisal of The Rahn-Based Islamic Microcredit Facility. *Kertas Kajian. International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)*. Diperoleh Jun 3, 2013 daripada <http://iflkr.isra.my/documents/10180/16168/researchpaper45.pdf>
- Mohamed Nazim, A. R., Kalait Hasan, K., & Norita, N. (2005). Practices of Islamic Pawn Broking Operators in Malaysia. *Prosiding 3rd International Islamic Banking and Finance Conference 2005*. Petaling Jaya: Monash Univeristy Malaysia.
- Mohd Fadli, M. S., Md Nor Hayati, T. & Noor Khamisah, A. L. (2010). The Awareness and The Acceptance of Islamic Pawnshops. *IJRRAS 2(2)*.
- Muhammad Saiful Islami, M. T. & Muhammad Hakimi, M. S. (2008). Faktor Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Ar-Rahnu Di Kedai Ar-Rahnu Bank Rakyat Alor Setar Kedah. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke III (PERKEM III), Jilid I (2008), 256-67, Negeri Sembilan, Malaysia*.
- Muhammad Saiful Islami, M. T., Siti Aisyah, Y. & Norridzwan, A. (2010). Prinsip Al-rahnu Sebagai Asas Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam di Malaysia. *Voice of Academia Vol. 5 (1) 2010*.
- Muhammad Yusri, Y.@S., Paiz, H., Mohd Zahirwan, H., & Hamdi, R. (2010). Sistem Gadaian di Malaysia: Analisis Perbandingan. *Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UITM Perak*. Diperoleh Mei 17, 2012 daripada <http://lebaiyusri.blogspot.com/2010/03/sistem-gadaian-di-malaysia-analisis.html>
- Norashikin, I. (2010). *Pemantapan Ekonomi Masyarakat Melalui Skim Al-Rahnu*. Tesis Sarjana. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Norudin, M., S.A. Bashir, A., Semanat, A.B., & Irwan, I. (2014). A Demographic Analysis on Customer Acceptance Towards Islamic Pawnbroking in Malaysia. *Asian Social Science, vol. 10 (2) 2014, 1911-2017*.
- Nur Azura, S., Selamah, M. & Supizan, S. (2004). Pajakgadai Konvensional dan Ar-Rahn: Terjaminkah Hak Pengguna?. *Seminar Kebangsaan Fakulti Ekonomi 2004: "Daya Saing Ekonomi dan Sosial Ke Arah Pemantapan Pembangunan Ekonomi"*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Nurazidah, M., Salmy Edawati, Y., Sanep, A., Mat Noor, M Z., Zamzuri, Z., Aisyah, A. R.,...Hafizi, A. M. (2013). Faktor-faktor Inflasi dan Kesannya Terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malayisa ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju" Jilid 2 (2013) 661-672, Johor Bharu, Malaysia*.
- S.A. Bashir, A., Norudin, M. & Nurul Nadiah, A. (2012). Customer Acceptance on Islamic Pawn Broking: A Malaysian Case. *Inerdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business, Vol. 3 No. 10, 2012, 748-763*.
- Salmy Edawati, Y., Sanep, A. & Wan Najihah, W. M. Z. (2009). Kestabilan Mata Wang dalam Menangani Krisis Ekonomi: Ke Arah Penggunaan Dinar Emas. *Seminar Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar 2009*. Diperoleh Februari 11, 2014 daripada [http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/kertas\\_persidangan/2010/04/20\\_Salmi\\_Sanep\\_\\_Wan.pdf](http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/kertas_persidangan/2010/04/20_Salmi_Sanep__Wan.pdf).
- Selamah, M. & Abdul Ghafar, I. (2006). Micro-Credit Program: Pawnshop vs Ar-Rahn. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam pada 8 – 9 Ogos 2006*. Kolej Islam Pahang, Kuantan.
- Selamah, M. & Supizan, S. (2005). Pindaan Akta Pemegang Pajakgadai 1972: Cabaran

- Kepada Ar-Rahnu. *Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, Bangi, Malaysia*.
- Selamah, M., Zalina, Z. & Raziah, M.T. (2006). Pengguna Pajakgadai: Dapatan Awal Kaji Selidik 2005. *National Seminar in Islamic Banking and Finance (IBAF 2006)*, 29 & 30 Ogos 2006, *Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)*.
- Shaari, A. H. & Azlina, A. A. (2003). Development of Islamic Pawn-broking Services: Differentiating Profiles of Their Respective Patrons. *International Islamic Banking Conference 2003*.
- Skully, M. (2005). Islamic Pawnbroking: The Malaysian Experience. *3rd International Islamic Banking and Finance Conference 2005*. Kuala Lumpur: Monash University Malaysia.
- Tradingeconomics.com (2014). *Malaysia Inflation Rate*. Diperoleh Mac 11, 2014 daripada <http://www.tradingeconomics.com/malaysia/inflation-cpi>
- Wahbah Al-Zuhaili (1999). *Fiqh & Perundangan Islam* (Ahmad Shahbari Salamon et al., Terjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Noraini, W. D. (2011). *Kepuasan Pelanggan dan Kualiti Perkhidmatan Skim Ar-Rahnu Bank Rakyat*. Tesis Sarjana. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Zunaidah, Z. (2006, Mac 28). Ar-Rahnu pajak gadai Islam Pertama di Dunia. *Utusan Malaysia Online*. Diperoleh Mei 10, 2012 daripada <http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/1023/AR-RAHNU-PAJAK-GADAI-ISLAM-PERTAMA-DI-DUNIA>